



Konvo UiTM

SHAH ALAM: Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) Ke-73 selama 12 hari bermula Khamis ini menyaksikan 21,475 graduan bakal menerima diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD) masing-masing.

Buat julung kali, empat kampus cawangan UiTM turut mengadakan konvokesyen di kampus masing-masing.

Empat kampus itu ialah Perlis, 29 November hingga 1 Disember, Perak (27 November), Terengganu (2 hingga 4 Disember) dan Sarawak (5 dan 6 Disember).

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin selaku Canselor UiTM berkenan menyampaikan anugerah sidang pertama.
